



**KENYATAAN RASMI  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
HAL EHWAL PEMBANGUNAN PELAJAR & ALUMNI**

**PANDUAN PENTADBIRAN KEMASUKAN PELAJAR  
IJAZAH PERTAMA DAN IJAZAH TINGGI KAMPUS INDUK  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA SIDANG AKADEMIK 2020/2021**

---

**Nota: Bagi pelajar Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan, sila rujuk Panduan Pentadbiran Kemasukan Pelajar USM yang telah disediakan BHEPA kampus masing-masing.**

**BAHAGIAN 1**

**PANDUAN PENTADBIRAN KEMASUKAN PELAJAR BAHARU**

**A. Pendaftaran Pelajar Baharu**

1. Semua pelajar perlu mengesahkan menerima masuk ke USM secara dalam talian (e-Pohon).
2. Semua pelajar perlu mengisi Borang Deklarasi Saringan Risiko COVID-19 atas talian, **tiga (3) hari** sebelum mendaftar diri ke USM. Pelajar juga perlu mencetak dan menyerahkan borang kepada Petugas Kesihatan dan pemeriksaan suhu badan dilakukan kepada pelajar tanpa perlu turun dari kenderaan (secara pandu lalu) semasa proses pendaftaran di USM.
3. Pelajar perlu mencetak notis yang memaparkan nama blok penginapan desasiswa yang diletakkan di cermin kenderaan semasa pendaftaran pandu lalu pada **2, 3 dan 4 Oktober 2020**.
4. Hanya ibu bapa/penjaga boleh menghantar pelajar ke USM dengan jumlah **tidak melebihi tiga (3) orang termasuk pelajar. Pelajar perlu duduk di tempat duduk penumpang hadapan (kiri pemandu) untuk mempercepatkan urusan.**
5. Semasa ketibaan di USM, semua kenderaan diarah masuk ke kawasan desasiswa mengikut laluan yang ditetapkan untuk Saringan Risiko COVID-19 dan pemeriksaan suhu badan di *check point* yang ditetapkan tanpa pelajar turun dari kenderaan. Pelajar juga perlu menunjukkan QR Code (*Check-in USM*) untuk diimbas oleh petugas desasiswa bagi mendapatkan nombor bilik.

6. Kenderaan pelajar kemudian akan diarahkan ke kawasan *loading bay* untuk menurunkan pelajar dan barang/beg. Pemandu dan mereka di dalam kenderaan dilarang turun dari kenderaan.
7. Semua urusan keluarga hendaklah diselesaikan sebelum pelajar turun dari kenderaan di *loading bay*. Setelah pelajar turun bersama-sama barang/beg, kenderaan diminta segera meneruskan perjalanan meninggalkan kampus dan pelajar tidak dibenarkan bertemu ahli keluarga.
8. Petugas akan membantu pelajar membawa barang/beg terus ke bilik desasiswa yang ditetapkan.

#### **B. Pelajar yang Datang dengan Kenderaan Awam**

1. Untuk pelajar yang datang menggunakan kenderaan awam, pelajar akan diarahkan ke Dewan Utama Pelajar berhampiran Padang Kawad USM bagi menjalani Saringan Risiko COVID-19 dan pemeriksaan suhu badan serta imbas QR Code (*Check-in* USM) dan dikumpulkan di dewan mengikut SOP sebelum dihantar ke blok penginapan desasiswa oleh kenderaan Universiti.
2. Kenderaan Universiti akan membawa pelajar ke blok desasiswa dan dibantu oleh petugas untuk ke bilik masing-masing.

#### **C. Pelajar yang Datang dengan Kenderaan Sendiri**

Peraturan USM tidak membenarkan pelajar baharu/tahun satu (1) membawa kenderaan sendiri masuk ke dalam kampus.

#### **D. Pelajar yang Berisiko/Bergejala COVID-19**

1. Pelajar yang didapati gagal Saringan Risiko COVID-19 dan pemeriksaan suhu badan akan diarahkan untuk pemeriksaan lanjut di Pusat Sejahtera (Kesihatan dan Pergigian). Tag merah akan dilekatkan di baju pelajar bersama pelekat berwarna merah diletakkan di cermin hadapan kenderaan.
2. Pelajar yang disahkan gagal Saringan Risiko COVID-19, pemeriksaan suhu badan dan bergejala COVID-19 akan dibawa oleh kenderaan Universiti untuk dikuarantin.

#### **E. Pelajar yang Berisiko**

1. Pelajar perlu **menangguhkan pendaftaran** dan memaklumkan kepada **Unit Pengambilan Pelajar, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar** serta mengemukakan dokumen berkaitan sekiranya;

- i. Datang dari Zon Merah/Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) atau Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran [*Targeted Enhance Movement Control Order (TEMCO)*]
  - ii. Mengalami gejala COVID-19 sebelum hari pendaftaran.
  - iii. Menerima Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam tempoh 14 hari sebelum pendaftaran.
  - iv. Mempunyai kontak rapat dengan pesakit yang disahkan positif COVID-19 atau individu/kluster yang masih dalam siasatan COVID-19 dalam tempoh 14 hari sebelum hari pendaftaran.
2. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Unit Pengambilan Pelajar, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar** di talian **1 300 888 876 / 04-653 3196 / 4663 / 3425 / 2688** atau emel **admissions@usm.my / asaz@usm.my**.

## **BAHAGIAN 2**

### **PANDUAN PENTADBIRAN KEMASUKAN PELAJAR SENIOR**

#### **A. Kemasukan Pelajar Senior**

1. Pelajar senior boleh mendaftar diri di desasiswa mulai/pada **9, 10 dan 11 Oktober 2020**. Pelajar yang datang mendaftar diri selain dari pada tarikh yang ditetapkan mestilah datang pada **waktu rasmi pejabat 8.00 pagi hingga 4.00 petang**. Pelajar dilarang tinggal menumpang rakan pelajar yang berdaftar secara rasmi di desasiswa.
2. Semua pelajar senior perlu mengisi Borang Deklarasi Saringan Risiko COVID-19 atas talian, **tiga (3) hari** sebelum mendaftar diri ke USM melalui Campus Online. Pelajar juga perlu mencetak dan menyerahkan borang kepada Petugas Kesihatan dan pemeriksaan suhu badan dilakukan kepada pelajar tanpa perlu turun dari kenderaan (secara pandu lalu) semasa proses pendaftaran di USM.
3. Hanya ibu bapa/penjaga boleh menghantar pelajar ke USM dengan jumlah **tidak melebihi tiga (3) orang termasuk pelajar. Pelajar perlu duduk di tempat duduk penumpang hadapan (kiri pemandu) untuk mempercepatkan urusan.**
4. Semasa ketibaan di USM, semua kenderaan diarah masuk ke kawasan desasiswa mengikut laluan yang ditetapkan untuk Saringan Risiko COVID-19 dan pemeriksaan suhu badan di *check point* yang ditetapkan tanpa pelajar turun dari kenderaan.

5. Kenderaan pelajar kemudian diarahkan ke kawasan *loading bay* untuk menurunkan pelajar dan barang/beg. Pemandu dan mereka di dalam kenderaan dilarang turun dari kenderaan. Setelah pelajar turun bersama-sama barang/beg, kenderaan diminta segera meneruskan perjalanan meninggalkan kampus.
6. Semua urusan keluarga hendaklah diselesaikan sebelum pelajar turun daripada kenderaan di *loading bay*. Setelah pelajar turun bersama-sama barang/beg, kenderaan diminta segera meneruskan perjalanan meninggalkan kampus dan pelajar tidak dibenarkan bertemu ahli keluarga.
7. Petugas akan membantu proses menurunkan barang/beg di tempat *loading bay*. Pelajar senior kemudiannya diminta terus mendaftar di Pejabat Desasiswa untuk mengambil kunci dan masuk ke bilik masing-masing.
8. Pelajar yang didapati gagal Saringan Risiko COVID-19 dan pemeriksaan suhu badan akan diarahkan untuk pemeriksaan lanjut di Pusat Sejahtera (Kesihatan dan Pergigian). Tag merah akan dilekatkan di baju pelajar bersama pelekat berwarna merah diletakkan di cermin hadapan kenderaan.
9. Pelajar yang disahkan gagal Saringan Risiko COVID-19, pemeriksaan suhu badan dan bergejala COVID-19 akan dibawa oleh kenderaan Universiti untuk dikuarantin.

#### **B. Kemasukan Pelajar Senior Selepas Tarikh 9, 10 dan 11 Oktober 2020**

1. Semua pelajar senior perlu mengisi Borang Deklarasi Saringan Risiko COVID-19 atas talian, **tiga (3) hari** sebelum mendaftar diri ke USM melalui Campus Online. Pelajar juga perlu mencetak dan menyerahkan borang kepada Petugas Kesihatan dan pemeriksaan suhu badan dilakukan kepada pelajar.
2. Pelajar perlu terus ke Pusat Sejahtera (Kesihatan dan Pergigian) pada **waktu rasmi pejabat bermula jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang** bagi menjalani Saringan Risiko COVID-19 dan pemeriksaan suhu badan sebelum dibenarkan ke desasiswa.
3. Pelajar senior diminta datang berurusan hanya pada **waktu rasmi pejabat 8.00 pagi hingga 4.00 petang** untuk memastikan semua pelajar menjalani Saringan Risiko COVID-19 sebelum masuk ke bilik penginapan di desasiswa. Oleh itu, **menumpang bilik rakan sebelum melalui proses Saringan COVID-19 adalah dilarang sama sekali.**

#### **C. Pelajar Senior yang Datang dengan Kenderaan Awam**

1. Untuk pelajar senior yang datang menggunakan kenderaan awam semasa tarikh 9, 10 dan 11 Oktober 2020, pelajar akan diarahkan ke Dewan Utama Pelajar berhampiran Padang Kawad USM bagi menjalani Saringan Risiko

COVID-19 dan pemeriksaan suhu badan serta dikumpulkan di dewan mengikut SOP sebelum dihantar ke blok penginapan desasiswa menggunakan kenderaan Universiti.

2. Kenderaan Universiti akan membawa pelajar ke blok desasiswa dan dibantu oleh petugas untuk ke bilik masing-masing.

#### D. Pelajar yang Datang dengan Kenderaan Sendiri

1. Untuk pelajar senior yang datang menggunakan kenderaan sendiri semasa tarikh 9, 10 dan 11 Oktober 2020 akan diarahkan ke Dewan Utama Pelajar berhampiran Padang Kawad USM bagi menjalani Saringan Risiko COVID-19 dan pemeriksaan suhu badan.
2. Pelajar akan diarahkan ke Dewan Utama Pelajar berhampiran Padang Kawad USM bagi menjalani Saringan Risiko COVID-19 dan pemeriksaan suhu badan dan dikumpulkan di dewan mengikut SOP sebelum dihantar ke blok penginapan desasiswa menggunakan kenderaan Universiti.
3. Pelajar juga boleh meletak kenderaan di parkir kenderaan Padang Desasiswa Indah Kembara.
4. **Pada atau selepas tarikh 12 Oktober 2020**, pelajar dibenarkan untuk parkir kenderaan di desasiswa masing-masing. Hanya kenderaan pelajar yang mempunyai pelekat rasmi USM yang sah sahaja dibenarkan bagi tujuan ini.

#### E. Pelajar yang Berisiko/Bergejala COVID-19

1. Pelajar senior yang didapati gagal Saringan Risiko COVID-19 dan pemeriksaan suhu badan akan diarahkan untuk pemeriksaan lanjut di Pusat Sejahtera (Kesihatan dan Pergigian). Tag merah akan dilekatkan di baju pelajar bersama pelekat berwarna merah diletakkan di cermin hadapan kenderaan.
2. Pelajar senior yang disahkan gagal Saringan Risiko COVID-19, pemeriksaan suhu badan dan bergejala COVID-19 akan dibawa oleh kenderaan Universiti untuk dikuarantin.

#### F. Pelajar yang Berisiko

1. Pelajar perlu **menangguhkan pendaftaran** dan memaklumkan kepada **Unit Pengambilan Pelajar, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar** serta mengemukakan dokumen berkaitan sekiranya;
  - i) Datang dari Zon Merah/Perintah Kawalan Pergerakan di Perketatkan(PKPD) atau Perintah Kawalan Pergerakan di Perketatkan Secara Pentadbiran [*Targeted Enhance Movement Control Order (TEMCO)*].

- ii) Mengalami gejala COVID-19 sebelum hari pendaftaran.
  - iii) Menerima Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam tempoh 14 hari sebelum hari pendaftaran.
  - iv) Mempunyai kontak rapat dengan pesakit yang disahkan positif COVID-19 atau individu/kluster yang masih dalam sisasatan COVID-19 dalam tempoh 14 hari sebelum pendaftaran.
2. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Unit Pengambilan Pelajar, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar** di talian **1 300 888 876 / 04-653 3196 / 4663 / 3425 / 2688** atau emel **admissions@usm.my / asaz@usm.my**.

### G. Keluar Masuk Kampus


1. Pelajar yang telah kembali/memasuki kampus hanya dibenarkan pulang ke kampung/merentas negeri dengan kebenaran Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (HEPA) terutamanya yang melibatkan kawasan Zon Merah COVID-19.
2. Semua pelajar yang mendapat kebenaran pulang ke kampung/merentas negeri perlu menjalani Saringan Risiko COVID-19 di Pusat Sejahtera (Kesihatan dan Pergigian) sekembalinya pelajar ke kampus.
3. Semua pelajar yang menggunakan telefon bimbit Android perlu memuat turun *Rapid Health Assessment Information System* (rHAIS) dari aplikasi *Play Store* dan menggunakannya semasa berada di dalam kampus USM.
4. Semua pelajar yang menggunakan telefon bimbit iPhone (iOS) perlu mengimbas QR Code di bawah untuk mengakses *Rapid Health Assessment Information System* (rHAIS) supaya dapat digunakan semasa berada di dalam kampus USM.



PENGGUNA TELEFON IOS  
IOS PHONE USERS

## H. Pelajar yang Tinggal di Luar Kampus/Pelajar Tanpa Asrama (PETAS)

1. Semua pelajar yang tinggal di luar kampus perlu mengisi **Borang Deklarasi Saringan Risiko COVID-19** atas talian melalui Campus Online, **tiga (3) hari** sebelum hadir ke kampus. Pelajar juga perlu mencetak dan menyerahkan borang kepada Petugas Kesihatan dan pemeriksaan suhu badan dilakukan di Pusat Sejahtera (Kesihatan dan Pergigian) **semasa hadir ke kampus**.
2. Pelajar yang disahkan gagal Saringan Risiko COVID-19, pemeriksaan suhu badan atau bergejala COVID-19 akan dirujuk ke Pusat Sejahtera (Kesihatan dan Pergigian) untuk tindakan selanjutnya. Pelajar tidak dibenarkan untuk memasuki kampus sehingga disahkan lulus Saringan COVID-19, pemeriksaan suhu badan dan bebas dari gejala COVID-19.
3. Semua pelajar yang menggunakan telefon bimbit Android perlu memuat turun *Rapid Health Assessment Information System* (rHAIS) dari aplikasi *Play Store* dan menggunakannya semasa berada di dalam kampus USM.
4. Semua pelajar yang menggunakan telefon bimbit iPhone (iOS) perlu mengimbas QR Code di bawah untuk mengakses *Rapid Health Assessment Information System* (rHAIS) supaya dapat digunakan semasa berada di dalam kampus USM.



PENGGUNA TELEFON IOS  
IOS PHONE USERS

## **BAHAGIAN 3** **NORMA BAHARU COVID-19**

1. Pelajar hendaklah melengkapkan dan mencetak **BORANG DEKLARASI SARINGAN RISIKO COVID-19** atas talian dalam tempoh **tiga (3) hari** sebelum tarikh pendaftaran (<https://pohon.usm.my> / **Campus Online**). Pelajar perlu menyerahkan **BORANG DEKLARASI SARINGAN RISIKO COVID-19** atas talian semasa hari pendaftaran.
2. Mencetak, melengkapkan dan menyerahkan **BORANG DEKLARASI SARINGAN KESIHATAN GEJALA COVID-19 HARIAN** semasa hari pendaftaran.
3. Pelajar dinasihatkan mengelakkan 3C (*Crowded Place, Confined Place, Closed Conversation*) dan mengamalkan 3W (*Wash, Wear, Worn*).

4. Pelajar dinasihatkan supaya sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal, memakai pelitup muka, kerap membasuh tangan dan mematuhi **Garis Panduan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**.

**Nota:**

1. Bagi pelajar Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan, sila rujuk Panduan Pentadbiran Kemasukan Pelajar USM yang telah disediakan Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPA) kampus masing-masing.
2. Untuk maklumat lanjut, sila berhubung terus dengan pihak BHEPA seperti berikut:

BHEPA Kampus Kejuruteraan : **Encik Samsuri Bin Musa**  
**Penolong Pendaftar Kanan**  
**04-599 5530 / 017-428 4420**  
**sammusa@usm.my**

BHEPA Kampus Kesihatan : **Puan Noordini Binti Ghazali**  
**Ketua Penolong Pendaftar**  
**09-767 1313 / 013-939 2442**  
**noordini@usm.my**

**PROFESOR DR. ALDRIN BIN ABDULLAH**  
Timbalan Naib Canselor  
Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni

28 September 2020